

04/11/2002

SPR boleh pindah pengundi (HL)

Nazura Ngah

KUALA TERENGGANU, Ahad - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan memindahkan pengundi ke kawasan berdasarkan alamat dalam kad pengenalan jika pengundi berkenaan gagal membuktikan hak mereka untuk mengundi di kawasan mereka mendaftar.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Omar berkata jika pengundi gagal membuktikan mereka mempunyai hak untuk mengundi di kawasan mereka mendaftar, mereka akan dianggap menipu dan SPR mempunyai kuasa untuk memindah kawasan mengundi mereka.

Beliau berkata, SPR akan menggunakan kuasa yang ada padanya untuk memindah pengundi berkenaan ke alamat yang tertera dalam kad pengenalan dan badan itu akan memikirkan tindakan yang bakal diambil terhadap pengundi yang didapati menipu.

"Tindakan terhadap pengundi menipu akan difikirkan kemudian, yang penting kita hendak mengenal pasti siapa yang membuat pengisytiharan tidak wujud," katanya pada Majlis Kempen Pendaftaran dan Penyemakan Daftar Pemilih anjuran Badan Perhubungan Umno negeri, di Wisma Seri Amar, di sini, hari ini.

Hadir sama Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keahlian dan Pendaftaran Pemilih Umno.

Wan Ahmad berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa ada pihak tertentu memindahkan seramai 2.8 juta pengundi berdaftar ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka.

Kajian yang dibuat terhadap senarai daftar pemilih menunjukkan pengundi berkenaan tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan sama sekali dengan kawasan baru itu.

Wan Ahmad mengakui kemungkinan wujud penipuan dalam pemindahan kira-kira 2.8 juta pengundi ke kawasan di luar tempat mereka menginap seperti didedahkan Perdana Menteri.

Beliau berkata ada kemungkinan wujud pihak yang menukar nama atau meniru tandatangan pada borang

Jika gagal buktikan hak mengundi di kawasan mendaftar yang diedarkan secara percuma dan meluas untuk menukar alamat pengundi.

Sehubungan itu SPR akan bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk meneliti status pengundi terbabit, sama ada mereka dipindahkan oleh pihak tertentu atau sememangnya berhak mengundi di kawasan baru itu.

SPR sudah mengadakan mesyuarat dua kali dengan JPN untuk mengenal pasti pengundi terbabit dan memerlukan kerjasama parti politik kerana membabitkan ramai pengundi, katanya.

Wan Ahmad berkata, senarai daftar pemilih mengikut peraturan lama menyebabkan ramai rakyat negara ini mendaftar tidak mengikut alamat dalam kad pengenalan.

Mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 1971 yang dimansuhkan 15 Julai lalu, seseorang itu boleh mendaftar sebagai pemilih kalau dia boleh membuktikan bahawa dia mempunyai hak untuk bermalam atau tinggal di sesuatu tempat walaupun rumah itu kepunyaan isteri atau ibu-bapa atau tempat kelahirannya.

Peraturan-Peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 2002 yang berkuat kuasa 15 Julai lalu membenarkan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun dan mensyaratkan pengundi mendaftar mengikut alamat dalam kad pengenalan.

"Dari segi undang-undang lama, pengundi ini tidak bersalah kerana mereka

dibenarkan mendaftar mengikut undang-undang berkenaan, tetapi perbuatan itu tidak lagi dibenarkan kerana pengundi diwajibkan mengikut alamat dalam kad pengenalan.

"SPR memerlukan kerjasama JPN dan parti politik untuk mengetahui pengundi mendaftar tidak mengikut alamat," katanya.